

## Menghindari Pembaziran Dalam Penggunaan Air

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا  
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ  
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat Rahimakumullah.

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. dengan mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita dan ahli keluarga rahmat serta pengampunanNya.

Saudara yang saya kasihi,

Sebagai umat Islam kita dituntut untuk mensyukuri segala nikmat pemberian Allah s.w.t. serta menggunakannya sebaik mungkin, untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t.

Di antara nikmat yang amat berharga dikurniakan kepada kita adalah air. Melalui air hujan yang turun, tumbuh-tumbuhan mampu terus hidup dengan subur. Dengan hujan, kawasan yang panas menjadi dingin, dan negeri yang tandus kembali subur menghijau. Dengannya jugalah kita dapat terus hidup. Amat benar firman Allah s.w.t. ketika menjelaskan di dalam ayat 30 surah Al-Anbiya':

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud: *“Dan Kami jadikan dari air itu, segala yang hidup, apakah mereka masih tidak beriman”*.

Saudaraku,

Kadangkala kita perlu merenung semula adakah kita ini benarbenar mensyukuri nikmat air kurniaan Allah s.w.t. Lagi-lagi bagi kita yang hidup di Singapura kini yang hampir jarang merasakan kekurangan air. Oleh kerana terlalu mudah diraih, ia boleh menyebabkan kita ini kurang memerhatikan kepentingannya.

Terdapat sepotong ayat suci Al-Quran di mana Allah s.w.t. mendorong kita untuk memerhatikan air yang kita minum. Allah berfirman didalam surah Al-Waaqi'ah ayat 68-70:

أَفَرَأَيْتُمُ الْمَاءَ الَّذِي تَشْرَبُونَ ﴿١٨﴾ ءَأَنْتُمْ أَنْزَلْتُمُوهُ

مِنَ الْمَزْنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنزِلُونَ ﴿١٩﴾ لَوْ نَشَاءُ جَعَلْنَاهُ

أَجَا جًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ ﴿٢٠﴾

Yang bermaksud: *“Maka tidakkah kamu memerhatikan tentang air yang kamu minum? Kamukah yang menurunkannya (Dari langit) atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami kehendaki, niscaya akan Kami jadikan dia (bertukar menjadi) masin, maka mengapakah kamu tidak bersyukur?”*

Bayangkan saudaraku sekalian, sekiranya nikmat air itu ditarik dari kita, seperti yang berlaku disebahagian negara. Bagaimanakah agaknya kesusahan yang bakal kita semua rasakan? Bahkan dengan cuaca kering berlarutan yang melanda Singapura sejak pertengahan bulan Januari, kita sendiri telah menyaksikan bagaimana sebahagian dari pohon-pohon dan tanam-tanaman mengalami kekeringan. Cuaca kering ini juga telah menyebabkan peningkatan jumlah nyamuk disekitaran kita. Ini sekaligus mengingatkan kita bahawa sebijak mana pun manusia ini, yang mengawal cuaca dan alam semesta ini adalah Allah. Sehebat mana pun kita ini, kita masih perlu mengiktiraf kekuasaan Tuhan yang Maha

Pemberi Rezeki. Maka tingkatkan kesyukuran bahawa meskipun kita sedang melalui cuaca kering ini, masih lagi ada air yang mengalir keluar daripada paip air kita. Masih lagi tiada orang yang kehilangan nyawa akibat kehausan dan ketandusan air.

Saudara yang saya kasihi,

Salah satu cara mensyukuri nikmat air ini adalah dengan mengelakkan pembaziran dalam penggunaannya. Ini adalah kerana pembaziran merupakan suatu sifat tidak disukai Allah. Oleh itu, kita dapati Allah menyifatkan orang-orang yang membazir itu di dalam ayat 27 surah Al-Isra' sebagai saudara syaitan yang amat ingkar kepada Tuhannya.

Kesyukuran juga menuntut kita untuk menggunakan nikmat Allah dengan sekadarnya dan dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah. Sebagai contoh, apabila kita berwudhu' atau sedang mandi, pastikan paip air hanya dibuka apabila air diperlukan. Bayangkan lantaran rasa amanahnya menggunakan nikmat Allah, Imam Muslim meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. mampu untuk mengambil wudhu' menggunakan air sebanyak satu mudd (sekitar setengah liter).

Bahkan Rasulullah s.a.w. pernah menegur seorang sahabat bernama Saad ibn Abi Waqqas yang sedang berwudhu'. Sabda Baginda: *"Pembaziran jenis apakah ini, wahai Saad? Maka*

Saad berkata: *“Adakah dalam wudhu’ juga ada pembaziran?”*  
Rasulullah s.a.w. menjawab: *“Iya, walaupun kamu berwudhu’ di atas sungai yang sedang mengalir.”* [Ibnu Majah dan Ahmad]

Oleh itu, marilah kita berusaha untuk menjimatkan penggunaan air. Bukan sahaja semasa kita berwudhu’, bahkan dalam segala aspek kehidupan kita. Ingatlah, saat kita berjanji setia kepada Allah dengan melafazkan syahadah, kita telah berjanji untuk menjaga dunia dan sumber isinya dengan baik. Ketahuilah setiap usaha yang kita jalankan dalam penjimatan air merupakan amalan yang terpuji di sisi Allah, dan ia menyumbang kearah kesejahteraan masyarakat. Kita bermohon pada Allah s.w.t agar diberikan kesejahteraan dan keselamatan buat diri kita, keluarga dan negara kita dari segala bencana dan malapetaka.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .